



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Isnin, 19 Disember 2022**

1	Bekalan telur kembali meruncing
2	Nyaris rempuh kumpulan babi hutan
3	Anjing liar berkeliaran ganggu pengguna jalan raya
4	Hasil telur tempatan merosot mulai Januari depan
5	Enggan pindah ke PPS, bimbang 3 lembu lemas

**DISEDIAKAN OLEH :**  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,**  
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19.12.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

# Bekalan telur kembali meruncing

Pemborong  
di Kuala  
Terengganu dakwa  
kali terakhir  
terima barang  
Khamis lalu

Oleh Baharom Bakar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Bekalan telur ayam di negeri ini dilihat kembali meruncung selepas kali terakhir beberapa pemborong hanya memperoleh sumber protein itu pada Khamis lalu.

Tinjauan ke tiga syarikat pemborong di sekitar bandar raya ini mendapati premis kosong kerana ketiadaan bekalan telur menyebabkan pembeli yang datang terpaksa pulang dengan hampa.

Pengurus syarikat pemborong



Nursyaznil melayan pelanggan di premisnya yang kehabisan bekalan telur di Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam.

(Foto Baharom Bakar/BH)

telur di Cabang Tiga, Nursyaznil Adha Ramli, berkata kali terakhir bekalan telur ayam diperolehnya 3,000 papan mengandungi 90,000 biji, Khamis lalu.

Beliau berkata, syarikat pembekal mendakwa bekalan telur

tidak mencukupi untuk dierakan kepada pemborong.

"Mereka (syarikat pembekal) berjanji untuk menghantar telur pada Rabu atau Khamis ini, tetapi tidak boleh memberi jumlah jaminan keseluruhannya yang akan dihantar," katanya.

## Semua telur habis

Pengurus syarikat Bigpoly Supplies, Fuan Chai Feng, berkata semua telur ayam, termasuk jenis Omega habis sejak Rabu lalu.

"Kali terakhir kami menerima bekalan itu sebanyak 4,000 papan mengandungi 120,000 biji telur pada Selasa lalu.

"Bekalan berkenaan terus dihantarkan ke tiga premis cawangan syarikat di Kuala Terengganu, termasuk di Cabang Tiga dan Gong Badak untuk dijual secara runcit kepada pelanggan.

"Setakat ini, kami belum menerima maklumat mengenai penghantaran bekalan terbaru daripada pembekal," katanya mengesahkan telur jenis Omega turut kehabisan di semua premis syarikat itu, termasuk di Kota Bharu, Kelantan.

Sementara itu, pengguna, Halijah Awang, 48, berkata beliau sukar mendapatkan bekalan telur ayam sejak Isnin lalu.

"Bekalan telur ayam bukan saja sukar diperoleh di pasar raya dan kedai runcit, malah di syarikat pemborong juga.

"Saya terpaksa pergi ke tiga syarikat pemborong haril ini (semalam) untuk mendapatkan bekalan, tetapi pulang hampa kerana ia sudah kehabisan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19.12.2022	KOSMO	NEGARA	12

Penduduk dua buah kampung hidup tidak selesa, kediamaan 'diserang' haiwan liar

## Nyaris rempuh kumpulan babi hutan

Oleh TOREK SULONG

**PASIR PUTEH** – Penduduk di Kampung Pasir Sotong dan Pauh Dara di sini, mendakwa kehidupan harian mereka terganggu apabila menjadi mangsa 'serangan' sekumpulan babi hutan sejak seminggu lalu.

Penduduk mendakwa kumpulan babi itu dipercayai keluar dari kawasan hutan berhampiran rumah mereka untuk mencari sisa-sisa makanan.

Seorang penduduk, Mohd. Hafiz Jafri, 24, berkata, kumpulan babi itu bukan sahaja menceroboh kawasan halaman rumah, malah turut merosakkan tanaman kelapa dan sayuran yang diusahakan mereka.

"Babi hutan itu biasanya keluar pada waktu malam atau awal pagi mencari makan. Sejak kebelakangan ini, ia dilihat bebas berkeliaran di lokasi rumah penduduk.

"Meskipun penduduk sudah halau, babi-babi itu tidak endah,



DUA ekor babi hutan yang sempat dirakam ketika berkeliaran di kawasan rumah penduduk di Kampung Pasir Sotong, Pasir Puteh baru-baru ini.

malah semakin banyak yang berkeliaran," katanya.

Seorang lagi penduduk, Abdulrahman Awang Ahmad, 40, berkata, dia hampir merempuh sekumpulan babi hutan itu baru-baru ini semasa menunggang motosikal apabila haiwan liar itu tiba-tiba melintas jalan kampung.

"Penduduk kampung ketika ini lebih berwaspada agar tidak bertemu dengan babi hutan ini. Kami takut jika ia menyondol orang pula selepas ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan, Mohd. Hafid Rohani ketika dilhubungi berkata, pihaknya tidak menerima aduan mengenai babi hutan berkeliaran di kawasan itu setakat ini.

Namun, katanya, penduduk yang berdepan isu gangguan hidupan liar boleh membuat aduan kepada Perhilitan Kelantan menerusi talian **09-741 6240** atau **011-5927 5985** untuk tindakan lanjut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19.12.2022	KOSMO	NEGARA	18

## Anjing liar berkeliaran ganggu pengguna jalan raya



SALAH seekor anjing liar yang berkeliaran dan mengganggu pengguna jalan raya di Simpang Empat Kundur, Gua Musang. - AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** – Pengguna jalan raya yang melalui laluan Simpang Empat Kundur di sini, bimbang keselamatan diri selepas kira-kira 10 ekor anjing liar dikesan sering berkeliaran di tengah jalan di kawasan tersebut setiap hari.

Seorang pengguna jalan raya, Mohd. Hamid Mohd. Azahari, 45, berkata, anjing liar itu didapati sering bermain di atas kawasan jalan dan keadaan itu boleh menyebabkan kemalangan.

Katanya, anjing itu juga sering bergaduh dan mengganggu pe-

mandu kenderaan atau penunggang motosikal yang melalui laluan tersebut.

“Saya sering menunggang motosikal melalui jalan itu dan berasa terganggu dengan kehadiran anjing berkenaan.

“Jalan itu merupakan laluan untuk ke Kampung Awek dan Bukit Cekati, malah menjadi laluan alternatif untuk ke Jeli,” katanya.

Penduduk lain, Asmat Che Ali, 39, berkata, dia melalui jalan berkenaan untuk menghantar

anak ke sekolah setiap hari.

Katanya, difahamkan, anjing tersebut mempunyai pemilik, namun ia dipelihara tanpa pengawasan di kawasan awam.

“Jika anjing-anjing itu ada pemiliknya, mereka perlu lebih peka dan haiwan berkenaan perlu berada di kawasan pekarangan premis mereka.

“Saya berharap pihak berkuasa tempatan dapat menjalankan operasi dan menangkap haiwan itu kerana ia mengganggu pengguna jalan raya di sini,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19.12.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	MD &2

# Hasil telur tempatan merosot mulai Januari depan

Oleh FAHMI FAIZ  
fahmi.faiz@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia dijangka berdepan krisis telur ayam yang semakin kritikal susulan polisi kerajaan mengimport sumber itu dari India, dengan bekalan telur tempatan dijangka susut sehingga 40 peratus bermula Januari tahun depan berbanding 30 juta biji yang dihasilkan setiap hari.

Satu sumber pengeluar telur ayam memberitahu *Utusan Malaysia*, lambakan telur import akan ‘membunuh’ ladang-ladang ayam penelur tempatan, mengakibatkan penternak tidak mahu melanjutkan tempoh pengeluaran.

Kata sumber, purata penghasilan telur ayam dalam negara sebanyak 30 juta biji sehari, namun susulan keputusan mengimport bekalan tersebut maka pengeluaran domestik bermula Januari tahun depan dijangka menyusut kepada 18 juta biji.

Jelas sumber, apabila ‘malapetaka telur’ itu berlaku, kerajaan terpaksa bergantung kepada telur ayam yang diimport dari sumber luar secara berterusan.

Katanya, senario ini mendahului negara kepada bencana keselamatan makanan kerana kebergantungan kepada pembekal telur luar negara mengakibatkan Malaysia terdedah kepada keputusan bekalan tanpa mempunyai sebarang jaminan daripada pengeluar telur tempatan.

Bersambung di muka 2

# Hasil telur tempatan merosot mulai Januari depan

Dari muka 1

“Sekarang ini, bila kerajaan sebut langkah import telur India ini cuma bersifat sementara, tapi pengeluar tidak percaya. Pengeluar telur domestik sudah bersepakat untuk *cull* atau menakai ayam masing-masing. Maksudnya, mahu jual saja ayam telur sebagai ayam pencen.

“Buat apa lagi kami mahu perjudikan perniagaan kami, sedangkan kerajaan cuma ambil langkah tanpa memikirkan kesan jangka panjang.

“Bila ayam itu ditakai, maka pengeluaran telur domestik akan menyusut. Kami jangkakan, krisis kekurangan telur domestik akan mula berlaku mulai Januari tahun depan, menyusut sebanyak 40 peratus,” kata sumber itu semalam.

Menjelaskan lanjut, sumber berkata, sebelum Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), kerajaan mengadakan libat urus dan rundingan dengan penternak ayam telur, memohon mereka melanjutkan tempoh pengeluaran telur kepada 100 minggu berbanding 80 minggu dan perkara itu dipersetujui kedua-dua pihak.

Namun kata sumber, keadaan sebaliknya berlaku apabila belum sempat penternak memberikan komitmen melanjutkan had pengeluaran telur, ada pihak telah melobi kerajaan untuk membawa masuk telur ayam dari India.

“Sebelum ini, kerajaan minta kami lanjutkan tempoh hayat pengeluaran kepada 20 minggu tambahan. Sebelum ini,



**Kami jangkakan,  
krisis kekurangan  
telur domestik akan  
mula berlaku mulai  
Januari tahun depan,  
menyusut sebanyak  
40 peratus.”**

ayam bertelur dalam tempoh 80 minggu, tapi kami setuju lanjutkan kepada 100 minggu untuk membantu penghasilan telur dalam negara. Tapi, bila kerajaan mengumumkan polisi import telur, ini merisikkan perniagaan pengusaha telur tempatan dan memang banyak ladang-ladang tempatan akan takai ayam telur masing-masing,” katanya.

Pada masa sama, sumber berkata, meskipun kerajaan mengumumkan langkah mengimport telur cuma bersifat sementara, namun keputusan yang dibuat secara tergesa-gesa itu telah menjelaskan ekosistem pengeluaran telur tempatan.

“Kebimbangannya begini, kerajaan memaklumkan langkah mengimport telur ini bersifat sementara. Kerajaan juga janji, enam bulan saja untuk import.

“Mereka juga minta pengeluar telur mengeluarkan se-maksimum mungkin telur masing-masing dalam tempoh enam bulan. Tapi, bila sudah jadi begini, kerajaan ingat pen-

gusaha mahu ikut? Kami ini bermiaga,” kata sumber.

Mengulas perbezaan telur ayam import dan tempatan, sumber berkata, telur ayam yang diimport boleh dikesan berdasarkan kepada kulit telur dari India yang berwarna putih manakala kulit telur ayam tempatan kebanyakan berwarna kuning.

“Ada beberapa ramuan dalam makanan ayam penelur, yang mana kalau dibuang daripada campuran dedak, telur yang terhasil akan berwarna putih. Di India, kebanyakan telur berkulit putih, kerana mereka mirip Britain yang mana kulit telur di sana warna putih.

“Jadi, telur-telur yang diimport dari India ke Malaysia adalah berwarna putih. Ini bukan telur ayam kampung, malah di pasaran sebelum ini pun, pihak yang menjual telur kulit putih dan mendakwa itu telur ayam kampung, sebenarnya tak betul. Itu telur ayam biasa, cuma ramuan makanan ayam penelur itu yang diubah,” kata sumber.

Kelmarin, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) membenarkan kemasukan telur ayam import dari India melalui laluan udara sebagai fasa percubaan.

Kementerian itu dalam keadaan berkata, inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar bukanlah untuk menekan pengusaha industri telur ayam tempatan.

Sebaliknya, kata MAFS, langkah itu bagi memastikan kecukupan bekalan telur ayam dalam negara dengan harga yang kompetitif.

# Enggan pindah ke PPS, bimbang 3 lembu lemas

Oleh ROHANA ISMAIL  
utusannews@mediamulia.com.my

**RANTAU PANJANG:** Seorang warga emas enggan berpindah ke pusat pemindahan semestara (PPS) disebabkan bimbang dengan keadaan tiga ekor lembunya selepas Kampung Baroh Pial di sini dilanda banjir semalam.

Meskipun dipujuk anaknya selama sejam, Mohamad Seman, 74, tetap berkeras mahu merauh banjir ke tempat lembunya.

Anaknya, Nur Syafikah, 26, berkata, sebelum ini, ayahnya sudah memindahkan lembu-lembu itu ke tempat selamat sebanyak tiga kali semasa hujan lebat melanda kampung.

“Bagaimanapun, ketiga-tiga tempat itu semuanya dinaiki air. Situasi tersebut menyebabkan ayah mula gelisah bimbang jika lembunya mati lemas,” katanya ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Baroh Pial di sini semalam.

Nur Syafikah memberitahu, dia tinggal berdua bersama ayahnya di Kampung Baroh Pial dan perlu berpindah ke PPS kerana air sudah menccah hampir satu meter di dalam rumahnya.

Sementara itu, Mohamad berkata, dia bimbang kerana seekor lembunya ditambat dan mahu ke tempat lembu itu untuk melepaskannya.



**MOHAMAD** Seman menunggu di tepi kawasan yang ditenggelami banjir selepas bimbang dengan keadaan tiga ekor lembunya selepas Kampung Baroh Pial dinaiki air di Rantau Panjang, Kelantan semalam. - UTUSAN/ROHANA ISMAIL

“Nur Syafikah tidak membenturkan saya ke sana kerana arus deras dan air semakin dalam.

“Saya akhirnya akur dan setuju untuk berpindah ke PPS apabila ada penduduk kampung

memaklumkan bahawa tiga ekor lembu itu berada dalam keadaan selamat,” katanya.